

Kita berhasil martabat pendidikan Islam

SAYA tertarik dengan kenyataan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein agar kita membuktikan bahawa sistem pendidikan negara terutamanya pendidikan Islam mampu melahirkan umat Islam yang berpegang kepada ajaran Islam sebenar, progresif, mementingkan perpaduan serta mengutamakan keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Pendidikan Islam di negara ini sudah berkembang pesat dan mempunyai kurikulum dan kaedah penilaian dan penafsiran yang kemas dan kukuh. Pelajar lulusan sekolah agama sama ada dari sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA), sekolah agama negeri (SAN), sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah agama swasta (SAS) mempunyai peluang luas untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) yang menawarkan pengajian Islam. Mereka juga berpeluang melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Kelahiran institusi pengajian tinggi awam dan swasta adalah bukti komitmen kerajaan dalam memartabatkan pengajian Islam. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), contohnya, adalah institusi pengajian tinggi awam yang menyediakan tempat bagi pelajar aliran agama untuk meneruskan pengajian mereka pada peringkat pengajian tinggi di Malaysia.

Seperti institusi pengajian tinggi yang menawarkan pengajian Islam, Usim ditubuhkan untuk meningkatkan kualiti pendidikan Islam di negara ini dan adalah saluran utama bagi pelajar aliran agama meneruskan pengajian mereka pada peringkat lebih tinggi.

Keperluan melahirkan pendidikan Islam yang mantap adalah perlu. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan pendekatan Islam Hadhari, pendidikan Islam negara perlu melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mem-

punyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.

Pendidikan Islam di negara ini juga perlu berupaya membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

Di samping itu, keluaran sekolah atau institusi pendidikan Islam negara ini juga diharapkan dapat meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan yang unggul sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.

Umat Islam juga tidak mahu dilihat sebagai sentiasa suka bercakaran, suka berkonflik terutama dengan orang lain yang berbeza agama.

Amat penting sekali agama Islam tidak dilihat sebagai agama yang bersifat ganas kerana Islamofobia atau kebencian terhadap Islam boleh dilihat sebagai mengancam keamanan dunia. Doudou Diane, pakar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengenai perkauman, menyifatkan Islamofobia sebagai mengancam keamanan dunia.

Kesediaan negara lain seperti Thailand untuk meminta bantuan negara kita untuk menambah baik pendidikan Islam di sekolah di wilayah Selatan Thailand juga perlu dianggap sebagai satu kejayaan dalam memartabatkan pendidikan Islam.

Sama ada pada peringkat menengah atau pengajian tinggi, pendidikan Islam negara perlu bersifat antarabangsa. Walaupun masih ada yang boleh dipertingkatkan dalam bidang pendidikan Islam, sebagai negara Islam maju, negara kita boleh memainkan peranan lebih besar dalam membantu negara Islam lain memartabatkan pendidikan Islam.

Antara yang boleh dilakukan ialah dengan menawarkan bidang kepakaran dan konsultasi, mengadakan pertukaran pelajar serta menawarkan latihan kepada negara Islam lain.

DR SAPORA SIPON,
*Pengarah Perhubungan Korporat
Universiti Sains Islam
Malaysia (Usim).*